

***SEMBAHYANG JAMAK  
DAN QASAR ADALAH  
SEDEKAH ALLAH.***

Penulis  
Mohd Yaakub bin Mohd Yunus

Judul:

**Sembahyang Jamak Dan Qasar Adalah Sedekah Allah.**

Penulis:

**Mohd Yaakub bin Mohd Yunus**  
**akob73@yahoo.com.**

Penyunting:

**Hafiz Firdaus Abdullah**  
**www.al-firdaus.com**

© **Mohd Yaakub bin Mohd Yunus**

Dianjurkan membuat salinan untuk tujuan pengajian ilmu. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menyalin dengan apa cara jua untuk tujuan komersil tanpa keizinan bertulis daripada penulis.

Cetakan Pertama: 2005

Penerbit:

Perniagaan Jahabersa  
15, Jalan Dataran 3/3, Taman Kempas,  
81200 Johor Bahru,  
Johor Darul Takzim,  
Malaysia.

Tel: 07-235 1602, 235 1605.

Fax: 07-235 1603

<http://www.jahabersa.com.my>

[jahabers@tm.net.my](mailto:jahabers@tm.net.my)

[jahabers@starhub.net.sg](mailto:jahabers@starhub.net.sg)

## **Kandungan**

---

|  |           |
|--|-----------|
| <b>Kata Pengantar</b>  | <b>5</b>  |
| <b>1. Pengertian Sembahyang Jamak dan Qasar.</b>   | <b>13</b> |
| <b>2. Beberapa Tatacara Sembahyang Jamak dan Qasar Yang Diamalkan Di Malaysia.</b>           | <b>19</b> |
| <b>3. Hukum Mengqasar Sembahyang Dalam Perjalanan (<i>safar</i>).</b>                        | <b>23</b> |
| <b>4. Jarak Perjalanan Yang Membolehkan Sembahyang Diqasarkan.</b>                           | <b>35</b> |
| <b>5. Tempoh Perjalanan Yang Membenarkan Sembahyang Diqasarkan.</b>                          | <b>45</b> |
| <b>6. Menjamak Sembahyang Bukan Terhad Ketika Dalam Perjalanan (<i>safar</i>).</b>           | <b>53</b> |
| <b>7. Niat Yang Perlu Dilafazkan Ketika Menjamak Dan Mengqasarkan Sembahyang.</b>            | <b>61</b> |
| <b>8. Hubungkait Niat Perjalanan Dengan Pembolehan Menjamak Dan Mengqasarkan Sembahyang.</b> | <b>69</b> |
| <b>Penutup</b>   | <b>73</b> |



## KATA PENGANTAR

Segala puji bagi bagi Allah Tuhan semesta alam. Kepada-Nya kita memohon dan kepada-Nya jua kita meminta ampun. Kita memohon perlindungan kepada Allah dari kejahatan diri dan keburukan amal perbuatan. Barangsiapa yang diberi petunjuk oleh Allah, maka dia tidak akan mendapatkan kesesatan. Barangsiapa yang tersesat, maka tidak ada yang dapat memberikannya petunjuk kecuali hanya Dia. Saya bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah yang Maha Esa. Saya bersaksi bahawasanya Muhammad adalah hamba dan utusan-Nya.

***Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, dan jangan sekali-kali kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.***<sup>1</sup>

***Wahai sekalian manusia! Bertaqwalah kepada Tuhan kamu yang telah menjadikan kamu (bermula) dari diri yang satu (Adam), dan yang menjadikan daripada (Adam) itu pasangannya (isterinya - Hawa), dan juga yang membiakkan dari keduanya - zuriat keturunan - lelaki dan perempuan yang ramai. Dan bertaqwalah kepada Allah yang kamu selalu meminta dengan menyebut-nyebut nama-Nya, serta peliharalah hubungan (silaturrahim) kaum kerabat; kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.***<sup>2</sup>

***Wahai orang-orang yang beriman, bertaqwalah kepada Allah,***

---

<sup>1</sup> Aali-'Imraan (3) :102

<sup>2</sup> al-Nisaa' (4) : 1

**dan katakanlah perkataan yang tepat - benar (dalam segala perkara),  
Supaya Ia memberi taufiq dengan menjayakan amal-amal kamu, dan  
mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat  
kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya  
mencapai sebesar-besar kejayaan.**<sup>3</sup>

Selanjutnya, sesungguhnya perkataan yang paling benar adalah *kitabullah*. Sebaik-baik petunjuk adalah petunjuk Muhammad *shalallahu 'alaihi wasallam*. Sedangkan seburuk-buruk perkara adalah yang diada-adakan dan .semua yang diada-adakan adalah *bid'ah*. Semua yang *bid'ah* adalah sesat dan semua yang sesat tempat kembalinya adalah neraka.

Setiap manusia pasti akan menghadapi keadaan yang memerlukan untuk mengqasar atau menjamakkan sembahyangnya. Sebagai contoh setiap insan pasti akan menempuh satu perjalanan (*safar*) yang mana syari'at telah membenarkan sembahyang itu dijamak dan juga diqasarkan. Namun begitu ramai di antara kita yang tidak mahu melakukan *rukhsah* (keringanan) yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kurniakan kepada kita kerana menurut sangkaan mereka persyaratan untuk dibolehkan sembahyang itu diqasar dan dijamakkan belum dipenuhi. Malah ada juga yang beranggapan bahawa bersembahyang secara sempurna tanpa mengqasarkannya adalah lebih diutamakan ketika dalam perjalanan. Penulis berpendapat bahawa kekeliruan ini berpunca dari kurangnya pendedahan terhadap beberapa tatacara mengqasar dan menjamakkan sembahyang seperti yang pernah

---

<sup>3</sup> al-Ahzaab (33) : 70-71

diamalkan oleh Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* serta para sahabatnya *radhiallahu 'anhum*. Mencontohi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* dalam segala bentuk ibadah merupakan sesuatu yang disyari'atkan kerana baginda merupakan contoh ikutan yang terbaik bagi seluruh umat manusia. Ini sebagaimana Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).***<sup>4</sup>

Apatah lagi dalam ibadah sembahyang ini telah ada arahan dari baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri untuk hanya mengikutu tatacara yang diajar oleh baginda. Ini sebagaimana sabdanya:

***Sembahyanglah kalian sebagaimana kalian melihat aku bersembahyang.***<sup>5</sup>

Di samping itu *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* juga telah menyatakan bahawa generasi yang terbaik yang patut dijadikan tauladan bagi seluruh umat Islam adalah umat pada kurunnya yang termasuk baginda sendiri serta para sahabatnya *radhiallahu 'anhum*. Sabda *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*:

---

<sup>4</sup> al-Ahzaab (33) : 21

<sup>5</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Azan*, hadis no. 631.

***“Umatku yang terbaik adalah umat dikurunku, kemudian umat yang sesudahnya dan umat yang sesudahnya lagi.”<sup>6</sup>***

Berdasarkan dari dalil-dalil di atas penulis dengan sedaya upaya menyusun buku berkaitan sembahyang jamak dan qasar ini berpaksikan kepada sunnah Nabi *shallallahu ‘alaihi wasallam*, amalan para Sahabat baginda *radhiallahu ‘anhum* serta para *salafussoleh*. Penulis namakan buku kecil ini sebagai **“Sembahyang Jamak Dan Qasar Adalah Sedekah Allah”** dengan tujuan untuk menggalakkan para pembaca supaya menerima *rukhsah* (keringanan) pemberian Allah *Subhanahu wa Ta’ala* ini sebagaimana yang didatangkan kepada Nabi Muhammad *shallallahu ‘alaihi wasallam* tanpa terlalu terikat dengan amalan kebiasaan di negara kita Malaysia yang adakalanya tidak begitu selari dengan sunnah Rasul *shallallahu ‘alaihi wasallam*.

Penulis akui bahawa beberapa isu yang penulis ketengahkan dalam buku ini sebenarnya termasuk dalam perkara-perkara yang terdapat perbezaan pendapat di antara *ulama’* yang muktabar. Namun begitu penulis berpegang kepada manhaj bahawa selagi ianya tidak bertentangan dengan syari’at, maka kita seharusnya sedaya upaya untuk memberikan pendapat yang lebih mendatangkan kemudahan kepada umat Islam. Manhaj ini sebenarnya adalah manhaj *Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam* sebagaimana yang dijelaskan oleh *Umm al-Mukminun ‘Aishah radhiallahu ‘anha*:

---

<sup>6</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Manaaqib*, hadis no. 3650.



***Tidaklah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam jika diberi dua pilihan kecuali baginda memilih yang paling mudah di antaranya selagi tidak mengandungi dosa.***<sup>7</sup>

Apapun jua penulis tetap terbuka dalam menerima sebarang teguran ataupun pembedaan dari mana-mana pihak dalam rangka untuk berpegang kepada pendapat yang lebih tepat berdasarkan *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sebagaimana yang difahami dan diamalkan oleh generasi *salafussoleh*.

Semoga buku ini dapat dijadikan sebagai wadah untuk kita sama-sama berusaha memperbaiki tatacara sembahyang kita agar bertepatan dengan sunnah Nabi shallallahu 'alaihi wasallam. Penghargaan dan terima kasih kepada guru-guru yang banyak mengajar penulis tentang sifat sembahyang sebagaimana yang dikerjakan oleh Nabi *shalallahu 'alaihi wasallam* seperti Ustaz Rasul Dahri, Dr. Abdullah Yassin dan Ustaz Hussain Yee. Setinggi penghargaan juga kepada kedua ibu bapa yang dihormati, seluruh ahli keluarga yang dikasihi terutamanya isteri yang tercinta Wan Haslini Wan Kamaruzaman, rakan dan sahabat terutamanya Tuan Hassan Tuan Lah seorang insan yang banyak mendorong penulis untuk mempelajari ilmu *fiqh*, Hafiz Firdaus Abdullah yang telah meminjamkan kepada penulis sumber-sumber rujukan, khususnya kitab-kitab hadis yang disemak semula oleh Syaikh Nasiruddin al-Albani dan Syaikh Syu'aib al-Arna'uth, Ustaz Mohd Fikri Che Hussain (Alamghiri), Muhammad Khairul (Abu Adam), Muhammad Rafiq (Saw Eng Sian), Abu Nurul Muhammad Affendi, Khairul Amin (Kamin dari al-

---

<sup>7</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Hudud*, hadis no. 6786.

Ahkam.net), Zayed (al-Ahkam.net), Dr. Imran dan seluruh ahli Fikrah Net atas sokongan dan dorongan yang kesemua mereka ini berikan sehingga tersusunnya buku ini. Semoga Allah membalas jasa mereka dengan ganjaran pahala yang lebih baik di dunia dan akhirat. Semoga amalan yang baik dan ilmu yang berfaedah ini diterima oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*.

Sekian Wassalaam.

**Mohd Yaakub Bin Mohd Yunus**

Rabiulawal 1426 / April 2005

# 1

## PENGERTIAN SEMBAHYANG JAMAK DAN QASAR

Sembahyang qasar bererti memendekkan sembahyang yang empat rakaat menjadi dua rakaat ketika dalam perjalanan (*safar*). Sembahyang yang boleh diqasarkan adalah sembahyang Zuhur, Asar dan Isyak. Dalil yang mengsyari'atkan sembahyang qasar adalah Firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

***Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir. Sesungguhnya orang-orang kafir itu adalah musuh yang amat nyata bagi kamu.***<sup>8</sup>

Mungkin akan timbul persoalan di kalangan para pembaca bahawa adakah dengan keadaan semasa yang aman damai tanpa ancaman dari orang kafir maka sembahyang qasar ini tidak disyari'atkan lagi? Untuk menjawab persoalan ini kami membawa sebuah riwayat dari Ya'laa bin Umayyah *radhiallahu 'anhu*, dia berkata:

***Aku pernah bertanya kepada Umar al-Khattab radhiallahu 'anhu berkenaan dengan firman Allah "maka kamu tidaklah berdosa***

---

<sup>8</sup> al-Nisaa' (4):101

**"mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang jika kamu takut diserang oleh orang-orang kafir" ; sedangkan pada masa sekarang ini manusia telahpun berada dalam keadaan aman." Umar menjawab: "Aku sendiri pernah merasa hairan juga seperti kamu oleh itu aku telah bertanya kepada Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam tentang hal ini lalu baginda bersabda: "Itu adalah sedekah yang diberikan oleh Allah kepada kalian maka terimalah sedekahnya."<sup>9</sup>**

Di atas keumuman lafaz firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tersebut dapat kita fahami bahawa apabila seseorang itu berada dalam satu perjalanan yang dianggap sebagai *safar*, secara automatik dia dibenarkan untuk mengqasarkan sembahyang tanpa sebarang syarat tambahan.

Sembahyang jamak pula bermakna mengumpulkan dua sembahyang dalam satu waktu. Contohnya mengumpulkan sembahyang Zuhur dan Asar dalam satu waktu ataupun Maghrib dan Isyak dalam satu waktu. Jamak pula ada dua jenis iaitu:

- 1) Jamak *Taqdim* (yang didahulukan) iaitu mengumpulkan sembahyang Asar bersama Zuhur dalam waktu sembahyang Zuhur atau mengumpulkan sembahyang Isyak dan Maghrib dalam waktu sembahyang Maghrib.

---

<sup>9</sup> Hadis riwayat Imam Abu Dawud dalam *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Shalah*, hadis no. 1014. Peristiwa yang sama juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Shahih Muslim, Kitab al-Shalah al-Musafiraini wa Qasaruha*, hadis no. 686 dan juga diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dalam *Sunan al-Tirmidhi*, hadis no. 2960.

- 2) Jamak *Ta'khir* (yang diakhirkan) pula ialah mengumpulkan sembahyang Zuhur dan Asar dalam waktu sembahyang Asar atau mengumpulkan sembahyang Maghrib dan Isyak dalam waktu sembahyang Isyak.

Dalil disyariatkan jamak *taqdim* dan jamak *ta'khir* adalah sebagaimana dijelaskan oleh Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anhu*:

***“Inginakah tuan-tuan saya ceritakan perihal sembahyang Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam sewaktu sedang dalam perjalanan.” Ujar kami: “Baik.” Katanya: “Jika baginda masih berada di rumah semasa matahari telah tergelincir (masuknya waktu Zuhur), baginda jamakkan Zuhur dengan Asar (jamak taqdim) sebelum berangkat, tapi kalau belum lagi tergelincir, maka baginda berjalan hingga nanti bila waktu Asar masuk baginda pun berhenti dan menjamak sembahyang Zuhur dengan Asar (jamak ta'khir). Begitu juga jika selagi baginda di rumah waktu Maghrib sudah masuk, baginda jamaklah sembahyang Maghrib dengan Isyak, tetapi kalau waktu belum lagi masuk, baginda terus sahaja berangkat dan nanti bila waktu Isyak tiba, baginda pun berhenti untuk menjamak sembahyang Maghrib dan Isyak itu.”<sup>10</sup>***

Dari hadis di atas dapat kita fahami sekiranya kita memulakan perjalanan setelah masuknya waktu Zuhur maka adalah disunnahkan kita

---

<sup>10</sup> Hadis riwayat Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad*, hadis no. 3480 dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth. Bagi *Musnad Ahmad* edisi 6 jilid, rujuk jld. 1, ms. 367-368.

melakukan sembahyang jamak *taqdim* yakni menghimpunkan sembahyang Zuhur dan Asar dalam waktu sembahyang Zuhur. Namun begitu sembahyang tersebut tidak diqasarkan kerana kita secara hakikatnya belum memulakan perjalanan. Menurut Syaikh Salih bin Fauzan:

Jika anda sembahyang Asar dan Zuhur dengan jamak *taqdim* sedangkan waktu itu anda masih berada di rumah, maka anda harus menunaikan sembahyang tersebut dengan sempurna (tidak mengqasarkan), iaitu empat rakaat baik untuk sembahyang Zuhur mahupun Asar.<sup>11</sup>

Namun sekiranya kita memulakan perjalanan sebelum masuk waktu Zuhur maka hendaklah kita melakukan jamak *ta'khir* yakni menghimpunkan sembahyang Zuhur dan Asar dalam waktu Asar. Maka ketika ini diperbolehkan untuk mengqasarkan sembahyang tersebut kerana ketika itu kita sedang berada dalam perjalanan. Hadis di atas juga menerangkan tatacara menjamak sembahyang Maghrib dan Isyak. Seperkara yang perlu untuk diberi perhatian adalah tidak ada jamak antara sembahyang Subuh dan Zuhur, Asar dan Maghrib atau Isyak dan Subuh.

Walaupun bagaimanapun di atas bukanlah syarat menjamakkan solat tetapi sunnah yang utama untuk diikuti. Antara jamak *taqdim* atau jamak *takhir*, terpulang bagi seseorang mana yang sesuai lagi mudah baginya. Ingat, jamak adalah satu kemudahan, bukan kesukaran.

---

<sup>11</sup> Fayiz Musa Abu Syaikhah, *Fatwa-Fatwa Syaikh al-Fauzan*, (edisi terjemahan oleh Ali Murtadho Syahudi, Pustaka Azzam, Jakarta, 2004), ms. 78.

# 2

## BEBERAPA TATACARA SEMBAHYANG JAMAK DAN QASAR YANG DIAMALKAN DI MALAYSIA

Antara hikmah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mensyariatkan sembahyang jamak dan qasar adalah sebagai satu *rukhsah* (kelonggaran) dalam rangka meringankan kesulitan yang dihadapi oleh mereka yang bermusafir.

Menurut Ustaz Rasul Dahri:

Pelayaran atau perjalanan yang jauh sering menghadapi kesulitan, sering menempuh berbagai masalah dan rintangan sehingga Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* mengumpamakan musafir sebahagian dari azab, sebagaimana hadis baginda:

!!

*Dari Abi Hurairah radhiallahu 'anhu, dia berkata:  
"Bersabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam: "Musafir itu adalah sebahagian dari azab yang menghalangi seseorang itu dari makan, minum dan tidur (secara yang sempurna). Maka oleh kerana itu apabila seseorang telah*

*selesai keperluannya dalam pelayaran, hendaklah segera pulang ke pangkuan keluarganya.*<sup>12</sup>

Untuk meringankan kesulitan, maka Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberi kelonggaran (*rukhsah*) kepada orang-orang yang beriman supaya mengqasarkan sembahyang mereka semasa musafir atau semasa berpergian, malah sembahyang qasar ini juga telah dijadikan sedekah (hadiah) oleh Allah kepada hamba-hamba-Nya yang beriman di samping ia telah diwajibkan-Nya.<sup>13</sup>

Namun begitu beberapa perkara yang biasa diamalkan oleh umat Islam di Malaysia berkaitan jamak dan qasar ini telah menyebabkan kelonggaran (*rukhsah*) yang telah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* hadiahkan kepada kita itu diabaikan. Antara amalan tersebut adalah seperti berikut:

- 1) Mengqasarkan sembahyang ketika bermusafir hanyalah sunat. Malah ada yang beranggapan menyempurnakan sembahyang (tidak mengqasar) adalah lebih *afdhal* atau baik. Kesselesaian dalam perjalanan serta kecanggihan sistem pengangkutan

---

<sup>12</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Haj*, hadis no. 1804 dan *Kitab al-Jihaad wa al-Siyar*, hadis no. 3001.

<sup>13</sup> Rasul bin Dahri, *Solat Qasar dan Jamak* (nota kuliah), ms. 4. Hadis Abu Hurairah di atas diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Muslim, rujuk *al-Jami al-Sagheir* oleh al-Suyuti, hadis no. 4810.



menyebabkan keperluan untuk mengqasar atau menjamak sembahyang sudah tidak relevan lagi.

- 2) Jarak perjalanan untuk diklasifikasikan sebagai musafir mestilah melebihi dua marhalah yang bersamaan dengan lebih kurang lapan puluh tiga kilometer.
- 3) Apabila seseorang bermusafir dan berhenti pada satu tempat selama lebih dari tiga hari maka hendaklah dia menyempurnakan sembahyangnya tanpa diqasarkan pada hari yang keempat dan berikutnya.
- 4) Menjamakkan sembahyang hanya boleh dilakukan ketika bermusafir.
- 5) Niat hendaklah dilafazkan dengan formulasi bacaan yang tertentu ketika hendak menjamak dan mengqasarkan sembahyang.
- 6) Hanya perjalanan yang tidak mengandungi unsur yang bertentangan dengan *syara'* membolehkan sembahyang itu diqasar atau dijamakkan.

*Insha-Allah* akan kita bahaskan satu persatu perkara-perkara di atas mengikut neraca *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sebagaimana yang diamalkan oleh para *Salafussoleh* dan semoga melalui penjelasan ini keringanan yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* anugerahkan kepada hamba-hamba-Nya berkaitan dengan jamak dan qasar ini akan dipergunakan sepenuhnya oleh kita semua.

# 3

## HUKUM MENGQASARKAN SEMBAHYANG KETIKA DALAM PERJALANAN

Hukum mengqasarkan sembahyang dalam musafir masih diperselisihkan oleh para *ulama'*. Sebahagian *ulama'* menganggap ianya adalah sunat *mu'akkadah* dan ini adalah pandangan Imam al-Syafi'i *rahimahullah*. Namun pendapat yang lebih hampir kepada kebenaran dan dipegang oleh majoriti generasi salaf adalah mengqasarkan sembahyang ketika perjalanan (*safar*) adalah wajib.

Syaikh Abu Ubaidah Masyhur menulis:

Di antara mereka yang memilih pendapat ini (wajibnya mengqasarkan sembahyang dalam musafir) adalah *ulama'* bermazhab Hanafi. Pendapat ini juga telah diriwayatkan dari Ali bin Abi Thalib dan Umar *radhiallahu 'anhuma* sebagaimana yang disebut dalam *Nailul Authar* Jilid 3 halaman 245<sup>14</sup> (Kitab

---

<sup>14</sup> Imam Muhammad al-Syaukani telah menulis:

Mazhab al-Hanafi dan al-Hadiwiyah berpendapat seperti yang pertama (wajib mengqasarkan sembahyang dalam *safar*). Diriwayatkan pendapat seperti ini dari Ali dan Umar, dan dinisbatkan al-Nawawi kepada *jumhur* (majoriti) *ulama'*. Menurut al-Khatthaby dalam *al-Ma'alim*, pendapat majoriti ulama salaf dan *fuqaha'* berbagai kota, bahawa sembahyang qasar

karangan Imam Muhammad al-Syaukani *rahimahullah*-pen). Al-Khatthabi berpendapat ini adalah pendapat majoriti *ulama' salaf* dan juga dipegang oleh Umar, Ali, Ibnu Umar, Jabir, Ibnu Abbas, Umar bin Abdul Aziz, al-Hassan dan Qatadah.<sup>15</sup>

Menerusi hadis-hadis yang sabit datangnya dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*, kita dapati baginda sentiasa mengqasarkan sembahyang sekiranya baginda bermusafir. Imam Ibnu Qayyim *rahimahullah* berkata:

Baginda mengqasarkan sembahyang yang empat rakaat, memendekkannya menjadi dua rakaat semenjak memulakan perjalanan sehingga kembali ke Madinah. Sama sekali tidak pernah diriwayatkan bahawa baginda mengerjakan empat rakaat secara sempurna dalam perjalanannya.<sup>16</sup>

---

dalam *safar* adalah wajib. Ini merupakan pendapat Ali, Umar, Ibnu Umar dan Ibnu 'Abbas. Pendapat ini juga diriwayatkan dari Umar bin Abdul Aziz, Qatadah dan al-Hassan. Menurut Hammad bin Sulaiman, orang yang sembahyang empat rakaat dalam *safar* harus mengulangi lagi (sembahyangnya). Menurut Malik, sembahyang empat rakaat dalam *safar* harus diulangi lagi selagi masih dalam waktu sembahyang. [Imam Muhammad al-Syaukani, Nailul Authar, (edisi terjemahan oleh Drs. Hadimulyo dan Drs. Kathur Suhardi, CV Asy Syifa, Semarang 1994), jld. 3, ms. 467]

<sup>15</sup> Abu Ubaidah Masyhur bin Hassan, *Koreksi Total Ritual Shalat*, (edisi terjemahan oleh W. Djunaedi, Pustaka Azzam, Jakarta 2000), ms. 419

<sup>16</sup> Ibnu Qayyim al-Jauziyyah, *Mukhtasar Zaadul Ma'ad Bekal Menuju Akhirat*, yang diringkaskan oleh Muhammad Abdul Wahhab at-Tamimi, (edisi terjemahan oleh Kathur Suhardi, Pustaka Azzam, Jakarta, 1999) ms. 54.

Dalil yang dijadikan sandaran dalam mewajibkan sembahyang qasar ketika bermusafir adalah sebuah hadis yang diterangkan oleh 'Aisyah *radhiallahu 'anha*:

***Allah mewajibkan sembahyang pada saat memfardhukannya (pertama kali) sebanyak dua rakaat dua rakaat baik ketika hadir (tidak bermusafir) mahupun ketika musafir. Kemudian ditetapkan pada sembahyang perjalanan (sebanyak dua rakaat) dan ditambah lagi (sebanyak dua rakaat) pada sembahyang hadir.<sup>17</sup>***

Dalam hadis di atas jelas menunjukkan pada peringkat awal ibadah sembahyang difardhukan keatas umat Islam, bagi sembahyang *fardhu* dan sembahyang ketika musafir (qasar) jumlah rakaatnya adalah sama iaitu sebanyak dua rakaat. Kemudiannya ditambah dua rakaat lagi pada sembahyang Zuhur, Asar dan Isyak manakala sembahyang qasar kekal diwajibkan sebanyak 2 rakaat.

Imam Muhammad bin Ismail al-Shon'ani *rahimahullah* mentafsirkan hadis di atas sebagai berikut:

Di dalam hadis ini terdapat dalil bahawa mengqasarkan sembahyang ketika bermusafir hukumnya wajib. Ini adalah kerana kalimah *faradha* ! !! (dalam hadis di atas) ertinya sama

---

<sup>17</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Shalah*, hadis no. 350.

dengan *aujaba* (artinya: mewajibkan).<sup>18</sup>

Terdapat beberapa lagi hadis yang sabit dari *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* yang memberikan petunjuk bahwa mengqasar sembahyang apabila berada dalam perjalanan adalah diwajibkan.

Ibnu Umar *radhiallahu 'anh* berkata:

***Aku pernah menemani Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dan baginda tidak melebihi sembahyangnya dari dua rakaat dalam perjalanan (safir), begitu juga oleh Abu Bakar, Umar dan Uthman.***<sup>19</sup>

Berkenaan hadis di atas Imam al-Syaukani berkata: "Di dalamnya terkandung pengertian bahwa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* pasti sembahyang qasar dan tidak pernah sembahyang *tamam* (menyempurnakan sembahyang)."<sup>20</sup>

Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh* berkata:

---

<sup>18</sup> Imam Muhammad bin Ismail al-Shon'ani, *Subulus Salam*, (Edisi terjemahan oleh Drs. Abubakar Muhammad, Al-Ikhlas, Surabaya 1991), jld. 2, ms. 152.

<sup>19</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih Bukhari, Kitab al-Jumu'at*, hadis no. 1102.

<sup>20</sup> Imam Muhammad al-Syaukani, *Nailul Authar*, jld. 3, ms. 467.

***Difardhukan sembahyang melalui lisan Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bagi orang bermukim empat rakaat, bagi musafir dua rakaat dan bagi orang yang takut (diserang musuh) satu rakaat.***<sup>21</sup>

Umar al-Khatthab *radhiallahu 'anh* berkata:

***Sembahyang dalam perjalanan (safar) dua rakaat, sembahyang Jumaat dua rakaat, sembahyang 'Id (hari raya) dua rakaat, itu semua adalah tamam (sembahyang yang sempurna), bukan qasar menurut keterangan dari lidah Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam.***<sup>22</sup>

Menurut Imam al-Syaukani tentang hadis di atas:

Hal ini menunjukkan bahawa sembahyang ketika dalam *safar* (perjalanan) sudah diwajibkan seperti itu (dua rakaat) sejak awal, dan bukan asalnya empat rakaat lalu diqasarkan menjadi dua rakaat. (Dalam) kata-kata "***menurut keterangan dari lidah Muhammad shallallahu 'alaihi wasallam***", terdapat penegasan tentang kuatnya hal itu dari perkataan baginda.<sup>23</sup>

---

<sup>21</sup> Hadis riwayat Imam al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Shalah*, hadis no. 456.

<sup>22</sup> Hadis riwayat Imam Ibnu Majah dan dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan Ibnu Majah, Kitab Iqamah al-Shalah wa sunnah fiha*, hadis no. 1063.

<sup>23</sup> Imam Muhammad al-Syaukani, *Nailul Authar*, jld. 3, ms. 469.

Ibnu Umar *radhiallahu 'anh* berkata:

**Sesungguhnya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam datang kepada kami, ketika kami kesesatan (jalan) lalu baginda mengajari kami, dan di antara yang diajarkan kepada kami, bahawa Allah 'Azza wa Jalla memerintahkan kami agar sembahyang dua rakaat dalam perjalanan (safir).<sup>24</sup>**

Sebagaimana yang telah sedia maklum, telah dinukil dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*<sup>25</sup>, kemudahan untuk mengqasarkan sembahyang adalah hadiah dari Allah 'Azza wa Jalla sebagai *rukhsah*, maka sepatutnya kita menghormati pemberian-Nya yang tidak ternilai ini. Apatah lagi Allah 'Azza wa Jalla menyukai sekiranya kita menerima anugerah-Nya itu. Ibnu Umar *radhiallahu 'anhu* berkata:

**Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: “Bahawa Allah menyukai jika dilaksanakan sesuatu yang telah diizinkan-Nya (diberi keringanan) sebagaimana Allah membenci (terhadap seseorang) yang melakukan pelanggaran maksiat (perkara yang**

---

<sup>24</sup> Hadis riwayat Imam al-Nasa'i dan dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan al-Nasa'i, Kitab al-Shalah*, hadis no. 457.

<sup>25</sup> **صَدَقَةَ تَصَدَّقَ اللَّهُ بِهَا عَلَيْكُمْ فَأَقْبَلُوا صَدَقَتَهُ** “Itu adalah sedekah yang diberikan oleh Allah 'Azza wa Jalla kepada kalian maka terimalah sedekah-Nya” (Hadis Riwayat Imam Abu Dawud dan *Sunan Abu Dawud, Kitab al-Shalah*, hadis no. 1014. Peristiwa yang sama juga diriwayatkan oleh Imam Muslim dalam *Shahih Muslim, Kitab al-Shalah al-Musafiraini wa Qasaruha*, hadis no. 686 dan juga diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidhi dalam *Sunan al-Tirmidhi, Kitab Tafseer al-Qur'an*, hadis no. 2960).

**dilarang-Nya).<sup>26</sup>**

Hadis di atas ini telah menyanggah tanggapan sesetengah pihak yang menyatakan menyempurnakan sembahyang ketika bermusafir adalah lebih *afdhal* kerana apa yang sebenarnya lebih *afdhal* adalah menerima *rukhsah* pemberian Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tersebut.

Manakala tentang pendapat yang menyatakan bahawa dengan keselesaan dalam perjalanan serta kecanggihan sistem pengangkutan pada zaman moden ini menyebabkan keperluan untuk mengqasar atau menjamak sembahyang sudah tidak relevan lagi, Syaikh Abu Ubaidah Masyhur telah menulis:

Ada juga yang menyatakan bahawa musafir pada zaman sekarang ini boleh ditempuh dengan kapal terbang, kereta dan kereta api. Oleh sebab itu ramai yang tidak merasakan kesulitan dalam bermusafir. Berbeza dengan musafir pada zaman dahulu, atau orang yang pekerjaannya yang mengharuskan dia selalu bermusafir. Apakah orang-orang seperti ini juga masih diperbolehkan mengqasarkan sembahyang?<sup>27</sup>

---

<sup>26</sup> Hadis riwayat Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad*, hadis no. 5866 dan dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dan rakan-rakan.

<sup>27</sup> Abu Ubaidah Masyhur bin Hassan, *Koreksi Total Ritual Shalat*, ms. 417-418.



Untuk menjawab persoalan ini Syaikh Abu Ubaidah telah menukil kata-kata Syaikh Sayyid Sabiq *rahimahullah*:

Dalam hal ini tidak ada perbezaan musafir itu menggunakan kapal terbang, kereta api dan lain-lain, juga samada perjalanan itu bertujuan menunaikan perintah Allah ataupun untuk tujuan-tujuan lain, dan termasuk juga perjalanan orang-orang yang pekerjaannya mengharuskan selalu berada dalam keadaan musafir seperti kelasi kapal laut, konduktor kereta api dan lain-lain, sebab pada hakikatnya itu juga termasuk dalam musafir. Oleh sebab itu dia boleh mengqasar, berbuka puasa dan lain-lain.<sup>28</sup>

Ini adalah kerana keumuman Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang...***<sup>29</sup>

Hukum mengqasarkan sembahyang ketika bermusafir adalah *valid* untuk setiap tempat dan zaman. Yang boleh membatasi keumuman hukum syari'at hanyalah Allah 'Azza wa Jalla dan Rasul-Nya *shallallahu*

---

<sup>28</sup> Syaikh Sayyid Sabiq, *Fikih Sunnah*, (edisi terjemahan oleh Mahyuddin Syaf, Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1990), jld. 2, ms. 216.

<sup>29</sup> al-Nisaa' (4):101

'alaihi wasallam. Sewajarnya mereka yang memiliki pemikiran yang bingung ini mentadabbur (menghayati) Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang berikut:

***Dan (Allah menjadikan) kuda dan baghal serta keldai untuk kamu menunggangnya, dan untuk menjadi perhiasan; dan Ia menjadikan apa yang kamu tidak mengetahuinya.***<sup>30</sup>

Berkenaan ayat di atas Syaikh Abu Ubaidah Masyhur menerangkan:

Tuhan telah memberitahu kepada kita semua bahawa Dia telah menciptakan beberapa haiwan tunggangan yang tidak kita ketahui. Dia juga akan terus menciptakan perkara-perkara lain yang tidak ada pada waktu diwahyukan ayat ini seperti kapal terbang, kereta api, kereta mahupun kenderaan-kenderaan yang lain.

Orang yang telah disebutkan di atas (mereka yang menganggap qasar sudah tidak relevan di zaman moden ini) benar-benar memiliki pemikiran yang aneh ketika beranggapan kapal terbang, kereta api mahupun kereta bukan dalam kategori perjalanan, sehingga tidak boleh mengqasar sembahyang. Bukankah semua jenis kenderaan termasuk

---

<sup>30</sup> al-Nahl (16) : 8

ciptaan Allah? Atau adakah mereka menganggap Allah tidak mengetahui kewujudan kenderaan-kenderaan tersebut pada masa yang akan datang. Hal ini tidak mungkin akan terjadi.<sup>31</sup>

Oleh itu hukum mengqasarkan sembahyang ketika bermusafir tetap relevan untuk setiap tempat dan zaman tanpa mengira setinggi mana teknologi yang bakal dicipta di masa hadapan. Justeru jangan persia-siakan sedekah dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ini apatah lagi setelah kita tahu pendapat yang lebih tepat tentang hukum mengqasarkan sembahyang ketika musafir adalah wajib.<sup>32</sup>

---

<sup>31</sup> Abu Ubaidah Masyhur bin Hassan, *Koreksi Total Ritual Shalat*, ms. 418.

<sup>32</sup> Penulis sedia maklum pendapat Imam al-Syafi'i *rahimahullah* yang tidak mewajibkan mengqasar sembahyang ketika bermusafir. Namun begitu Imam al-Syafi'i berpendapat adalah lebih *afdhal* jika diqasarkan sembahyang ketika bermusafir namun jika tidak diqasar hukumnya adalah makruh. Imam al-Syafi'i telah berkata:

Maka yang menjadi pilihan dan yang saya kerjakan apabila saya bermusafir dan yang lebih saya sukai diperbuat ialah mengqasarkan sembahyang pada ketakutan dari bahaya, pada perjalanan dan dalam perjalanan tanpa ketakutan. Barangsiapa yang menyempurnakan sembahyang (tidak mengqasarkan) pada keduanya itu, nescaya tidaklah merosakkan sembahyangnya...Saya memandang makruh meninggalkan qasar dan saya melarang (meninggalkan qasar) apabila itu dilakukan kerana benci kepada sunnah. [al-Imam al-Syafi'i, *al-Umm (Kitab Induk)* (edisi terjemahan oleh Prof. TK. H. Ismail Yakub, Victory Agencie, Kuala Lumpur, 1989), jld. 1, ms. 390.]

# 4

## JARAK PERJALANAN YANG MEMBOLEHKAN SEMBAHYANG DIQASARKAN

*Ulama'* telah berbeza pendapat tentang jarak perjalanan yang dianggap sebagai *safar* sehingga dibolehkan sembahyang diqasarkan serta berbuka puasa. al-Hafidz Ibnu Hajar *rahimahullah* telah berkata:

... hal ini (jarak perjalanan yang dianggap sebagai musafir) termasuk masalah yang banyak diperselisihkan oleh para *ulama'*. Dalam masalah ini, Ibnu Mundzir dan selainnya menyebutkan sekitar dua puluh pendapat.<sup>33</sup>

Perbezaan pendapat ini berpunca dari beragamnya hadis-hadis serta *atsar-atsar* dari para sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tentang jarak perjalanan minima yang mereka lalui lalu mereka mengqasarkan sembahyang. Namun begitu pendapat yang dipakai di Malaysia adalah dua *marhalah* (bersamaan dengan 83 kilometer).

Selanjutnya Syaikh Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin

---

<sup>33</sup> Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari Penjelasan Kitab Shahih al-Bukhari*, (edisi terjemahan oleh Gazirah Abdi Ummah, Pustaka Azzam, Jakarta, 2002), jld. 6, ms 128. Seterusnya kitab ini hanya akan disebut sebagai *Fathul Baari*.

*rahimahullah* mengulas tentang perbezaan jarak ini dengan berkata:

Sebahagian *ulama'* berpendapat bahawa jarak perjalanan yang dibolehkan mengqasarkan sembahyang ialah lapan puluh tiga kilometer. *Ulama'* yang lain berpendapat jaraknya sesuai menurut adat yang berlaku. Iaitu jika dia melakukan perjalanan yang menurut adat sudah disebut sebagai *safar* maka dia telah melakukan *safar* meskipun jaraknya belum sampai lapan puluh kilometer. Adapun jika perjalanannya menurut adat belum dikatakan *safar* meskipun jaraknya 100 kilometer, maka dia belum disebut *safar*.<sup>34</sup>

Pendapat terakhir inilah yang dipilih oleh Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyah *rahimahullah*. Yang demikian ini adalah kerana Allah dan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak menentukan jarak tertentu untuk dibolehkan melakukan

---

<sup>34</sup> Contohnya sekiranya seseorang itu rumahnya di Rembau, Negeri Sembilan dan setiap hari dia berulang-alik ke Kuala Lumpur kerana tempat kerjanya di sana, maka dia tidak dianggap sebagai musafir meskipun perjalanannya melebihi dua marhalah kerana ianya termasuk perjalanan yang berada dalam lingkungan kebiasaannya. Namun begitu bagi seseorang yang rumah dan pejabatnya di Kuala Lumpur, tetapi dia melakukan perjalanan ke Nilai kerana menziarah keluarganya maka dia tetap dianggap sebagai musafir walaupun jarak perjalan tersebut kurang dari dua marhalah. Ini adalah kerana perjalanan tersebut di luar perjalanan yang menjadi adat kebiasaannya.

qasar.<sup>35</sup>

Syaikh al-'Utsaimin *rahimahullah* menegaskan bahawa ada dua bentuk pandangan *ulama'* dalam hal jarak perjalanan yang diperbolehkan sembahyang qasar. Satu kelompok membatasi jarak yang tertentu manakala kelompok yang satu lagi tidak membatasinya melainkan ianya ditentukan menurut adat kebiasaan lingkungan perjalanan seseorang. Beliau telah menguatkan pendapat kelompok kedua sebagaimana Syaikh al-Islam. Dengan ini dapat kita fahami bahawa antara faktor yang menyebabkan terdapat beberapa hadis dan *atsar* yang menunjukkan batas minima yang berbeza jaraknya dalam isu sembahyang qasar ini adalah disebabkan perbezaan dalam adat kebiasaan perjalanan yang diklasifikasikan sebagai *safar* di antara para sahabat Nabi *radhiallahu 'anhum*.

Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* sebenarnya tidak pernah meletakkan had batasan yang memperbolehkan kita mengqasarkan sembahyang. Tetapi baginda akan senantiasa mengqasarkan sembahyang apabila baginda bermusafir keluar dari Madinah. Syaikh al-Albani *rahimahullah* dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* (jld 1, ms. 367) telah menurunkan kata-kata Imam Ibnu Mundzir:

---

<sup>35</sup> Syaikh Muhammad bin Shalih al-'Utsaimin, *Majmu'' Fatawa Solusi Problematika Umat Islam Seputar Aqidah dan Ibadah : Bab Ibadah*, (edisi terjemahan oleh Furqan Syuhada, Qosdi Ridwanullah dan Irwan Raihan, Pustaka Arafah, Solo, 2002) ms. 412-413. Selepas ini buku ini akan disebut sebagai "*Majmu'' Fatawa : Bab Ibadah*".

Sungguh saya tidak mengetahui bahawa Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* ada mengqasarkan sembahyang dalam satu perjalanan kecuali setelah keluar dari Madinah.<sup>36</sup>

Kenyataan Ibnu Mundzir ini adalah selari dengan sebuah riwayat dari Abdullah ibnu Umar *radhiallahu 'anhuma* , dia berkata:

***Adalah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam ketika keluar dari kota Madinah, baginda tidak menambah rakaat sembahyang-sembahyangnya melebihi 2 rakaat (kecuali Maghrib) sehinggalah baginda kembali ke kota Madinah.***<sup>37</sup>

Syaikh Abu Ubaidah Masyhur pula berkata:

Namun pendapat yang shahih menurut para *ulama'* yang sangat teliti bahawa jika menurut adat kebiasaan seseorang satu jarak tertentu sudah boleh dianggap melakukan *safar*, maka dia dianggap telah boleh mengerjakan jamak mahupun qasar. Ini lebih sesuai dengan slogan Islam yang selalu memberikan kemudahan kepada umatnya. Ini adalah kerana dengan meletakkan had batasan seperti hanya boleh

---

<sup>36</sup> Dinukil dari *Panduan Ibadah Dalam Musafir Penerbangan*, (Perniagaan Jahabersa, Johor Bahru, 2000), ms. 182, oleh Hafiz Firdaus Abdullah.

<sup>37</sup> Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah dan dinilai hasan sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan Ibnu Majah, Kitab Iqamah al-Shalah wa al-Sunnah Fiha*, hadis no. 1067.

mengqasarkan sembahyang selama tiga hari atau batasan-batasan lainnya, boleh mengakibatkan musnahnya kemudahan yang diberikan syari'at Islam.<sup>38</sup>

Manakala Syaikh al-Syinqithi *rahimahullah* pula berkata:

Pendapat yang paling kuat dan dapat dijadikan sebagai *hujjah* menurutku adalah pendapat orang yang menyatakan: "Sesungguhnya semua yang dikategorikan sebagai *safar* sekalipun jaraknya tidak jauh maka diperbolehkan pelakunya untuk mengqasarkan sembahyang, sebab dalam *nas*<sup>39</sup> hanya disebutkan *safar* secara mutlak (tanpa dibatasi dengan ukuran jarak mahupun hari).<sup>40</sup>

Oleh itu tiada sesiapa yang berhak untuk meletakkan batasan tentang jauh jarak perjalanan yang diperbolehkan seseorang itu bersembahyang qasar kecuali *Allah 'Azza wa Jalla* dan Rasul-Nya *shallallahu 'alaihi wasallam*. Ternyata Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* tidak meletakkan batasan jarak

---

<sup>38</sup> Abu Ubaidah Masyhur bin Hassan, *Koreksi Total Ritual Shalat*, ms. 420-421.

<sup>39</sup> Syaikh al-Syinqithi sebenarnya merujuk keumuman lafaz dalam firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*: "**Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang**" (al-Nisaa' (4):101)

<sup>40</sup> Abu Ubaidah Masyhur bin Hassan, *Koreksi Total Ritual Shalat*, ms. 421.



tersebut maka ianya bergantung kepada kebiasaan lingkungan perjalanan harian seseorang individu. Apatah lagi terdapat hadis-hadis yang menunjukkan *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* mengqasarkan sembahyang dalam perjalanan yang kurang dari dua marhalah. Apabila Anas bin Malik *radhiallahu 'anhu* ditanya tentang solat qasar *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*, beliau menjelaskan:

***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam apabila keluar dalam satu perjalanan yang berjarak tiga mil atau tiga farsakh<sup>41</sup> (Syu'bah ragu-ragu) maka baginda sembahyang hanya 2 rakaat.<sup>42</sup>***

Menurut al-Hafidz Ibnu Hajar *rahimahullah*:

Ini merupakan hadis yang paling shahih dan tegas dalam menjelaskan hal tersebut (jarak yang diperbolehkan mengqasar sembahyang). Namun para *ulama'* yang tidak sependapat memahami bahawa yang dimaksudkan adalah batas dimulainya baginda mengqasarkan sembahyang dan bukan batas jarak akhir perjalanan. Akan tetapi sangat jelas betapa pemahaman ini sangat jauh dari kebenaran. Sementara al-Baihaqi telah menyebutkan dalam riwayatnya melalui jalur ini bahawa Yahya bin Yazid *radhiallahu 'anhu* berkata:

---

<sup>41</sup> Satu mil bersamaan dengan 1,748 meter manakala satu farsakh pula bersamaan dengan 5,541 meter. 3 mil bersamaan dengan 1 farsakh.

<sup>42</sup> Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim, Kitab Shalat Musafiraini wa Qasaruha*, hadis no. 691.

*Aku bertanya kepada Anas tentang mengqasarkan sembahyang dan saat itu aku akan keluar menuju Kufah (yaitu dari Bashrah), apakah aku sembahyang dua rakaat dua rakaat hingga kembali." Anas juga berkata: "Apabila Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melakukan perjalanan sejauh tiga mil atau tiga farsakh maka baginda sembahyang 2 rakaat."<sup>43</sup>*

Nampak dari sini bahawa beliau (Yahya bin Yazid) bertanya kepada Anas tentang bolehnya mengqasarkan sembahyang ketika *safar* bukan tentang tempat di mana harus dimulakan mengqasarkan sembahyang.<sup>44</sup>

Imam Muhammad bin Ismail al-Shon'ani *rahimahullah* pula berkata berkaitan dengan hadis di atas:

Adapun yang dimaksudkan dengan kalimat "***Apabila Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam melakukan perjalanan***" itu ialah apabila baginda sudah berniat melakukan perjalanan sejauh sedemikian. Jadi bukan dimaksudkan bahawa apabila baginda ingin berjalan jauh, maka beliau tidak mengqasar

---

<sup>43</sup> Hadis riwayat Imam Ahmad dalam *Musnad Ahmad*, hadis no. 12313 dan sanadnya dinilai hasan oleh Syu'aib al-Arna'uth. Bagi *Musnad Ahmad* edisi 6 jilid, rujuk jld. 3, ms. 129.

<sup>44</sup> al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jld. 6, ms 133.

sembahyang setelah mencapai jarak sedemikian.<sup>45</sup>

Seterusnya sebuah riwayat dari Anas bin Malik *radhiallahu 'anhu*, dia berkata:

***Sesungguhnya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersembahyang Zuhur empat rakaat di Madinah dan bersembahyang Asar di Dzil Hulaifah dua rakaat.***<sup>46</sup>

Sebagaimana yang telah sedia maklum jarak perjalanan dari Madinah ke Dzil Hulaifah adalah 7 mil iaitu bersamaan dengan antara 12 hingga 13 kilometer. Hadis ini juga adalah sebagai bukti bahawa *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* telah mengqasarkan sembahyang walaupun jarak perjalanan tersebut adalah kurang dari dua *marhalah* (83 kilometer).

Syaikh Muhammad Abdussalam al-Syaqiry pula berkata:

Sebuah riwayat dari Ibnu Umar: ***“Jika aku keluar satu mil, maka aku akan mengqasar sembahyang.”*** Ini menegaskan bahawa pengertian *safar* dan hukum musafir yang membolehkan untuk mengqasarkan sembahyang, membuka

---

<sup>45</sup> Imam Muhammad bin Ismail al-Shon'ani, *Subulus Salam*, jld. 2, ms. 160.

<sup>46</sup> Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim, Kitab Shalat Musafiraini wa Qasaruha*, hadis no. 690.

puasa adalah perjalan sejauh satu mil atau lebih.<sup>47</sup>

Kini sudah semakin jelas bagi kita *Insya-Allah*, dua marhalah atau lapan puluh tiga kilometer bukanlah batasan yang baku untuk membolehkan kita mengqasarkan sembahyang.<sup>48</sup> Maka bukanlah menjadi satu kesalahan bagi mereka yang bermusafir kurang dari dua marhalah untuk mengqasarkan sembahyangnya. Malah ini merupakan satu nikmat kemudahan yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* anugerahkan

---

<sup>47</sup> Syaikh Muhammad Abdussalaam Khadr al-Syaqiry, *Bid'ah-Bid'ah Yang Dianggap Sunnah* (edisi terjemahan oleh Achmad Munir Awood Badjeber & Imam Sulaiman, Qisthi Press, Jakarta, 2004), ms. 108.

<sup>48</sup> Ingin penulis tambah di sini bahawa dalil yang dijadikan sandaran berkaitan dengan jarak 2 marhalah sebagai batasan yang diperbolehkan untuk mengqasarkan sembahyang adalah sebuah hadis yang *dha'if* (lemah) diriwayatkan dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anhu*: **“Wahai penduduk Mekah, janganlah kamu sekalian mengqasarkan sembahyang (bagi jarak perjalanan) yang kurang dari 4 barid (2 marhalah) iaitu dari Mekah ke Asfan.”** Berkata Imam al-Syaukani *rahimahullah*:

Hadis ini tidak boleh dijadikan *hujjah* kerana dalam sanadnya (jalur perawi yang meriwayatkan hadis ini) terdapat Abdul Wahhab bin Mujahid bin Jubair, dia adalah *matruk* (tertolak). Imam al-Nawawi juga menyatakan beliau adalah pendusta. Menurut al-Uzdy, riwayat ini tidak sah darinya (iaitu dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anhu*) kerana perawi yang meriwayat darinya adalah Isma'il bin Iyash dan dia adalah *dha'if* (lemah di kalangan orang-orang Hijaz) dan Abdul Wahhab tersebut adalah orang Hijaz. Yang benar, hadis ini adalah *mauquf* (terhenti) pada Ibnu 'Abbas, sebagaimana yang ditakhrij oleh al-Syafi'i darinya dengan sanad yang shahih. [Imam Muhammad al-Syaukani, *Nailul Authar*, jld. 3, ms. 481.]

Hadis yang *mauquf* adalah perkataan atau perbuatan atau *taqirir* (persetujuan) yang disandarkan kepada seorang sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Riwayat *mauquf* tidak dijadikan *hujjah* dalam menentukan hukum agama kecuali jika terdapat *ijma'* (kesepakatan) di kalangan para sahabat. Ternyata dalam permasalahan ini tidak wujud kesepakatan di kalangan para Sahabat *radhiallahu 'anhum* tentang jarak 4 barid atau 2 marhalah sebagai batas minima yang diperbolehkan mengqasarkan sembahyang. Yang lebih patut diunggulkan adalah hadis shahih yang diriwayatkan dari Anas bin Malik *radhiallahu 'anhu* yang telah penulis turunkan di atas. *Wallahu 'alam*.

kepada hamba-Nya maka kecapilah nikmat anugerah-Nya itu tanpa was-  
was.

# 5

## TEMPOH PERJALANAN YANG MEMBENARKAN SEMBAHYANG DIQASARKAN

*Ulama'* berbeza pendapat tentang status musafir bagi seorang yang dalam perjalanannya singgah di sebuah daerah untuk beberapa hari. Adakah orang tersebut masih diperbolehkan mengqasarkan sembahyangnya atau tidak? Ada yang menyatakan jumlah hari yang tertentu seperti tiga hari, empat hari, sepuluh hari atau lapan belas hari dan ada pula yang beranggapan apabila seseorang itu bermusafir maka dia tetap dibolehkan mengqasarkan sembahyang sehinggalah dia kembali ke tempat asalnya. Di Malaysia rata-ratanya berpendapat apabila seorang musafir singgah di suatu tempat maka dia hanya boleh mengqasarkan sembahyang selama 3 hari sahaja dan untuk hari yang keempat dan seterusnya hendaklah dia menyempurnakan sembahyangnya. Namun begitu pendapat bahawa tidak ada batasan tempoh tertentu adalah lebih menghampiri kebenaran disebabkan keumuman Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam mengsyariatkan sembahyang qasar ini.

***Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang...***<sup>49</sup>

---

<sup>49</sup> Al-Nisaa' (4):101

Nabi Muhammad *shallallahu 'alaihi wasallam* juga tidak membatasi jumlah hari yang tertentu yang dibenarkan mengqasar sembahyang. Malah kewujudan hadis-hadis dengan jumlah hari yang berbeza menunjukkan tidak ada batasan jumlah hari yang tertentu dalam hal ini. Perbezaan jumlah hari tersebut hanyalah menunjukkan keragaman corak musafir *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*. Mari kita sama-sama melihat hadis-hadis tersebut.

***Dari Jabir bin Abdillah, dia berkata: "Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bermukim di Tabuk selama dua puluh hari (dan baginda) mengqasarkan sembahyang."<sup>50</sup>***

***Diriwayatkan dari Imran bin Hushain, dia berkata: "Aku berperang bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pada saat penaklukan kota Mekah, maka baginda bermukim di Mekah selama lapan belas malam dan tidak sembahyang kecuali sebanyak dua rakaat (qasar)."<sup>51</sup>***

***Yahya bin Abi Ishak berkata: "Saya mendengar Anas bin Malik berkata: "Kami pernah musafir bersama Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam dari Madinah ke Mekah. Selama dalam musafir itu baginda melakukan sembahyang secara dua rakaat (qasar kecuali***

---

<sup>50</sup> Hadis riwayat Imam Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Albani di dalam *Shahih Sunan Abu Dawud, Kitab al-Shalah*, hadis no. 1235.

<sup>51</sup> Hadis riwayat Imam Abu Dawud dan dinilai dha'if oleh al-Albani di dalam *Dha'if Sunan Abu Dawud, Kitab al-Shalah*, hadis no. 1229. Walaubagaimana keterangan bahawa baginda mengqasarkan sembahyangnya selama musafir diperkuat oleh hadis sebelum dan sesudahnya.

***Maghrib) sehingga kembali ke Madinah. Saya bertanya: "Berapa lamakah anda berada di kota Makkah?" Anas menjawab: "Kami menginap di Kota Makkah selama sepuluh hari."<sup>52</sup>***

Jelas dalam hadis-hadis di atas *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* tidak membatasi tempoh hari bagi mengqasarkan sembahyang. Malah Syaikh Sayyid Sabiq *rahimahullah* telah membawa beberapa *atsar* dari para sahabat yang menunjukkan mereka tetap mengqasarkan sembahyang walaupun mereka singgah di satu daerah dalam jangka masa yang lama.:

Miswar bin Makhramah berkata: "Kami bermukim dengan Sa'ad di salah satu desa di wilayah Syam selama empat puluh hari. Selama itu Sa'ad tetap mengqasarkan tetapi kami mencukupkan." Berkata Nafi': "Abdullah bin 'Umar bermukim di Azerbaijan enam bulan dan tetap bersembahyang dua rakaat ketika tertahan oleh salji waktu memasukinya." Hafash bin Ubaidullah mengatakan bahawa Anas bin Malik bermukim di Syam dua tahun dan terus bersembahyang sebagai musafir. Dan menurut Anas, para sahabat Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* bermukim di Ramhurmuz selama tujuh bulan dan tetap mengqasarkan sembahyang, sedang menurut Hassan, dia bermukim dengan 'Abd al-Rahman bin Samurah di Kabul selama

---

<sup>52</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Jamaah*, hadis no. 1081.



dua tahun dan 'Abd al-Rahman terus mengqasarkan tapi tidak menjamak. Kemudian Ibrahim mengatakan pula bahawa para sahabat pernah bermukim di Rayy selama setahun atau lebih, dan di Sijistan selama dua tahun (dan mereka tetap mengqasarkan sembahyang.)<sup>53</sup>

Demikianlah amalan para sahabat Nabi *radhiallahu 'anhum*. Mereka inilah manusia yang paling hampir dengan *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* malah merekalah golongan yang paling tahu tentang ajaran-ajaran baginda. Mereka inilah (iaitu golongan *muhajirin* dan *anshar*) juga yang telah dipuji oleh Allah 'Azza wa Jalla sebagaimana Firman-Nya:

***Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang "Muhajirin" dan "Ansar", dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar.***<sup>54</sup>

Bahkan baginda *shallallahu 'alaihi wasallam* sendiri telah memuji para sahabatnya *radhiallahu 'anhum* sebagai generasi terbaik umat ini dan baginda telah memberi satu jaminan sekiranya kita berada di atas manhaj para sahabat maka kita akan termasuk dalam golongan yang selamat.

---

<sup>53</sup> Syaikh Sayid Sabiq, *Fikih Sunnah*, jld. 1, ms. 218-219.

<sup>54</sup> Al-Taubah (9) : 100

**Telah bersabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam: "Umatku yang terbaik adalah umat dikurunku, kemudian umat yang sesudahnya dan umat yang sesudahnya lagi."<sup>55</sup>**

**Dan umatku akan berpecah menjadi tujuh puluh tiga golongan, semuanya akan masuk neraka kecuali satu. Para sahabat bertanya: "Siapakah golongan itu wahai Rasulullah?" Baginda bersabda: "Mereka yang mengikuti jalan hidupku dan para sahabatku."<sup>56</sup>**

Oleh itu wajarkah untuk kita masih ragu-ragu dengan sunnah Nabi shallallahu 'alaihi wasallam serta amalan para sahabatnya *radhiallahu 'anhum* dalam permasalahan ini sehingga kita lebih utamakan amalan yang hanya diwarisi secara turun temurun dari nenek moyang kita.

Seterusnya kita akan melihat ulasan Syaikh Sayyid Sabiq *rahimahullah* berkaitan dengan tempoh perjalanan yang dibolehkan mengqasarkan sembahyang:

Seorang musafir itu boleh terus mengqasar sembahyangnya selama dia masih dalam musafir. Jika dia

---

<sup>55</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Manaqib*, hadis no. 3650.

<sup>56</sup> Hadis Riwayat Imam al-Tirmidhi dan dinilai hasan oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmidhi, Kitab al-Iman*, hadis no. 2641.

bermukim di suatu tempat kerana sesuatu keperluan yang hendak diselesaikannya maka dia tetap boleh mengqasarkan sembahyangnya sebab dia masih dianggap sebagai musafir walaupun bermukimnya di sana sampai bertahun-tahun lamanya. Adapun kalau dia bermaksud hendak bermukim di sana dalam waktu yang tertentu (yang telah diketahui pada awal musafirnya-pen) maka menurut pendapat yang terkuat yang dipilih oleh Imam Ibnu Qayyim *rahimahullah*, bermukimnya itu belum lagi menghilangkan hukum musafir, baik lama atau sebentar, selama dia tidak berniat hendak menjadi penduduk tetap di tempat itu.<sup>57</sup>

Setelah membawa pelbagai pendapat yang membatasi jumlah hari tertentu yang dibolehkan mengqasarkan sembahyang, Imam Muhammad bin Ismail al-Shon'ani *rahimahullah* telah menulis:

Sudah jelas tidak ada dalil yang menunjukkan Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* tidak mengqasarkan sembahyang selama masa *safar* telah melebihi dari waktu-waktu yang disebutkan di atas. Apabila tidak ada dalil yang menunjukkan penentuan batas waktu, maka pendapat yang lebih mendekati kebenaran ialah boleh sentiasa mengqasarkan sembahyang selama dalam perjalanan itu sebagaimana yang pernah

---

<sup>57</sup> Sayyid Sabiq, *Fikih Sunnah*, jld. 2, ms. 217.

dipraktikkan oleh para sahabat - kerana memang tidak dinamai mukim dalam keadaan ragu-ragu setiap hari dan juga tidak dinamai mukim bagi orang yang singgah di satu tempat meskipun lama.<sup>58</sup>

---

<sup>58</sup> Imam Muhammad bin Ismail al-Shon'ani, *Subulus Salam*, jld. 2, ms. 169.

# 6

## MENJAMAK SEMBAHYANG BUKAN TERHAD KETIKA DALAM PERJALANAN (SAFAR)

Tidak ada yang mempertikaikan tentang bolehnya menjamak sembahyang ketika berada dalam perjalanan. Terdapat hadis-hadis yang banyak menunjukkan bahawa *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* memang pernah menjamak sembahyang ketika bermusafir.

***Bahawa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam sewaktu perang Tabuk, selalu menjamak sembahyang Zuhur dengan Asar (jamak taqdim-pen) bila berangkat sesudah tergelincir matahari (setelah masuk waktu Zuhur), tetapi apabila berangkatnya sebelum matahari tergelincir (sebelum waktu Zuhur) maka sembahyang Zuhur diundurkan baginda, dan diimpunnya sekali dengan Asar (jamak ta'khir-pen). Begitu pula dalam sembahyang Maghrib, iaitu sekiranya baginda berangkat sesudah matahari terbenam (telah masuk waktu Maghrib), dijamaknya Maghrib dengan Isyak (jamak taqdim-pen), tetapi kalau berangkatnya itu sebelum matahari terbenam, diundurkannya Maghrib itu sampai waktu Isyak dan dijamaknya dengan sembahyang Isyak (jamak ta'khir).<sup>59</sup>***

---

<sup>59</sup> Hadis riwayat Imam Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Dawud, Kitab al-Shalah*, hadis no. 1208.

Kebanyakan umat Islam di Malaysia berpendapat bahawa menjamak sembahyang hanya dibenarkan kepada mereka yang bermusafir sahaja. Sebenarnya berada dalam keadaan musafir hanyalah salah satu dari faktor yang membenarkan sembahyang dijamakkan. Faktor sebenar yang menentukan samada sembahyang boleh dijamakkan atau tidak adalah kesulitan yang dialami oleh seseorang untuk menjalankan ibadah sembahyangnya walaupun dia bukan seorang musafir. Tentang hubungan antara menjamakkan sembahyang dan musafir, Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah* menulis:

Jamak itu tidak berkait dengan qasar tetapi terkait dengan keperluan. Apabila sahaja seseorang itu perlu untuk menjamak sembahyangnya baik ketika dia bermukim mahupun ketika dalam perjalanan maka dia boleh menjamak sembahyangnya. Oleh kerana itu manusia melakukan jamak ketika hujan yang menyulitkan mereka untuk kembali ke masjid. Juga dibolehkan menjamak sembahyang bila terjadi angin kencang di musim dingin yang menyukarkan mereka keluar menuju masjid. Juga dibenarkan menjamak sembahyang jika dia takut keselamatan hartanya atau yang semisalnya.<sup>60</sup>

Inilah *rukhsah* (kelonggaran) sebenarnya yang Allah 'Azza wa Jalla kurniakan kepada hamba-Nya sesuai dengan sifatnya yang Maha Pengasih lagi Penyayang. Maka sewajarnya kita bersyukur atas

---

<sup>60</sup> Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin, *Majmu' Fatawa : Bab Ibadah*, ms. 413.

kurniaan-Nya itu dengan menggunakan *rukhsah* tersebut dan tidak mencipta batasan-batasan tertentu yang tidak disyari'atkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan Rasul-Nya *shallallahu 'alaihi wasallam*. Apatah lagi *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* pernah menjamakkan sembahyang bukan kerana musafir atau hujan hanya bertujuan untuk memudahkan umatnya. Ini sebagaimana hadis dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anhu*, dia berkata:

***Nabi shallallahu 'alaihi wasallam bersembahyang di Madinah (bukan dalam musafir) sebanyak tujuh dan lapan rakaat iaitu dengan menjamak Zuhur dan Asar serta Maghrib dan Isyak.***<sup>61</sup>

Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anhu* menerangkan:

***Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pernah menjamak sembahyang Zuhur dan Asar serta Maghrib dan Isyak di Madinah (bukan dalam musafir), bukan kerana dalam ketakutan atau hujan." Lalu orang bertanya kepada Ibnu 'Abbas: "Kenapa Nabi shallallahu 'alaihi wasallam berbuat sedemikian?" Jawabnya: "Baginda bertujuan agar tidak menyukarkan umatnya."***<sup>62 63</sup>

---

<sup>61</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab Mawaqif al-Shalah*, hadis no. 543.

<sup>62</sup> Hadis riwayat Imam Abu Dawud dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan Abu Dawud, Kitab al-Shalah*, hadis no. 1211.

<sup>63</sup> Ada pihak yang menggunakan hadis ini untuk membolehkan menjamak sembahyang secara sesuka hati tanpa ada kesulitan. Syaikh al-Albani *rahimahullah* menjelaskan:

Hadis ini tidaklah seperti apa yang disangka oleh banyak para penuntut ilmu bahawa sembahyang (jamak) itu boleh dilakukan bila-bila sahaja

Kedua-dua hadis di atas sudah memadai untuk membatalkan pendapat mereka yang hanya menghadkan sembahyang hanya boleh dijamakkan ketika dalam perjalanan kerana *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* menjamak sembahyangnya ketika baginda berada di Madinah iaitu dalam keadaan bermukim. Malah hadis dari Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh*u ini dijadikan *hujjah* oleh *ulama'* untuk membolehkan sembahyang itu dijamak asalkan terdapat keperluan yang mendesak dan valid demi untuk menghindari kesulitan yang dihadapi itu. Malah kata-kata Ibnu 'Abbas **“bukan kerana dalam ketakutan atau hujan”** secara tidak langsung menunjukkan bolehnya menjamak sembahyang jika kita berada dalam kedua-dua situasi tersebut.

Berkata Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin *rahimahullah* setelah membawa hadis Ibnu 'Abbas *radhiallahu 'anh*u tersebut:

Inilah rambu-rambunya, setiap kali seseorang merasa kesulitan sekiranya tidak melakukan jamak maka dia boleh

---

tanpa pertimbangan dan tanpa alasanpun... Tetapi jika ada sesuatu yang memberatkan untuk dilaksanakan sembahyang pada waktunya maka ketika itu boleh baginya menjamak sembahyang demi menghilangkan kesulitan tersebut ; baik berupa jamak *taqdim* ataupun *ta'khir*. Sesungguhnya alasan *syar'i* dari sembahyang jamak ini adalah untuk menghilangkan kesulitan dari kaum Muslimin. Maka jika tidak ada kesulitan tidak boleh jamak, dan wajib bagi kita memahami hadis di atas secara sempurna. Dan kesempurnaan hadis tersebut adalah sebagai berikut: ***Lalu orang bertanya kepada Ibnu 'Abbas: "Kenapa Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam berbuat sedemikian?" Jawabnya: "Baginda bertujuan agar tidak menyukarkan umatnya."*** Dengan adanya sembahyang jamak yang dilakukan *Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam* dalam keadaan mukim dan tanpa uzur turunnya hujan bukan bererti semua orang boleh menjamak sembahyang tanpa adanya kesulitan. [Syaikh Muhammad Nashiruddin al-Albani, *Fatwa-Fatwa Albani*, (Edisi terjemahan oleh Adni Kurniawan, Pustaka At Tauhid, Jakarta 2002), ms. 88-89.]



melakukannya. Namun jika dia tidak menghadapi kesulitan maka tidak perlu menjamak. Namun *safar* adalah tempat kesulitan jika tidak melakukan jamak. Untuk itu dibolehkan musafir untuk menjamak sembahyang baik ketika dalam perjalanan atau ketika singgah di suatu tempat, hanya sahaja jika dia sedang dalam perjalanan maka menjamaknya lebih utama sedangkan ketika singgah meninggalkan jamak lebih utama.<sup>64</sup>

Syaikh Abu Ubaidah Masyhur pula berkata selain dari dalam ketakutan ataupun hujan yang lebat:

Diperbolehkan menjamak sembahyang ketika tanah dalam keadaan berlumpur, udara yang dingin, turun salju, sakit, angin kencang bahkan kerana adanya uzur atau kepentingan lain...Ibnu Taymiyyah berkata: "Mazhab Fiqh yang paling longgar dalam masalah menjamak sembahyang adalah mazhab al-Imam Ahmad. Sebab beliau telah membolehkan menjamak antara dua sembahyang hanya disebabkan adanya keperluan ataupun ketika sedang sibuk."<sup>65</sup>

---

<sup>64</sup> Syaikh Muhammad Shalih al-'Utsaimin, *Majmu' Fatawa : Bab Ibadah*, ms. 413-414.

<sup>65</sup> Syaikh Abu Ubaidah Masyhur, *Total Koreksi Ritual Shalat*, ms. 411.

Selanjutnya Syaikh Sayyid Sabiq *rahimahullah* berkata:

Dalam *Syarah Muslim*, Imam al-Nawawi *rahimahullah* berkata: "Beberapa imam membolehkan jamak bagi orang yang tidak musafir, bila ia ada suatu kepentingan, asal sahaja hal itu tidak dijadikan kebiasaan. Ini juga merupakan pendapat Ibnu Sirin dan Asyhab dari golongan Maliki, dan menurut al-Khaththabi juga pendapat al-Quffal dan al-Syasy al-Kabir dari golongan Syafi'i, juga dari Ishak Marwazi dan dari jemaah ahli hadis, serta inilah pula yang dipilih oleh Ibnul Mundzir.<sup>66</sup>

Telah jelas bagi kita bahawa sembahyang jamak bukan hanya disyari'atkan ketika dalam musafir. Sekiranya memang ada keperluan yang begitu mendesak maka dibenarkan untuk menjamakkan sembahyang. Hanya apa yang ingin penulis tekankan jangan kita terlalu bermudah-mudah dalam isu sembahyang jamak ini sehingga menjadi kebiasaan untuk manjamakkan sembahyang tanpa sebab atau kesulitan yang dihadapi seperti diamalkan golongan *syi'ah*. Ini adalah kerana hukum asal sembahyang itu adalah mengikut waktu yang ditetapkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sebagaimana firman-Nya:

***Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu***

---

<sup>66</sup> Syaikh Sayyid Sabiq, *Fikih Sunnah*, jld. 2, ms. 227.

**waktunya.**<sup>67</sup>

Menurut Syaikh Abu Ubaidah kaedah umum yang disepakati oleh *Ahlu Sunnah Wal Jama'ah* adalah:

Hendaklah setiap sembahyang itu dikerjakan pada waktunya yang telah ditetapkan dan telah *dinaskan* dalam hadis-hadis Nabi, tanpa mengawalkan atau mengakhirkannya, kecuali jika ada beberapa sebab yang telah disebutkan dalam beberapa kitab fiqh dan sebab itu diperkuatkan oleh dalil syari'at yang diakui (keshahihannya).<sup>68</sup>

---

<sup>67</sup> al-Nisaa' (4) : 103

<sup>68</sup> Syaikh Abu Ubaidah Masyhur, *Total Koreksi Ritual Shalat*, ms. 399.

# 7

## NIAT YANG PERLU DILAFAZKAN KETIKA MENJAMAK DAN MENGQASARKAN SEMBAHYANG

Setiap amal ibadah wajib dimulakan dengan niat. Dalil wajibnya niat adalah Sabda Nabi *shalallahu 'alaihi wasallam* :

***Dari 'Alqamah bin Waqqash al-Laitsi bahawa dia berkata: "Aku mendengar Umar bin Khattab berkata di atas mimbar: "Aku mendengar Rasulullah shalallahu 'alaihi wasallam bersabda, "Tiap-tiap amal perbuatan harus disertai dengan niat, balasan bagi setiap amal manusia sesuai dengan apa yang diniatkan...."<sup>69</sup>***

Menurut al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah* tentang hadis di atas ia membuktikan:

Setiap pekerjaan harus didasari dengan niat. Al-Khauyi mengatakan, "Seakan-akan Rasulullah memberi pengertian bahawa niat itu bermacam-macam sebagaimana perbuatan. Seperti orang yang melakukan perbuatan dengan motivasi ingin mendapatkan redha Allah dan apa yang dijanjikan kepadanya,

---

<sup>69</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab Bada' al-Wahyu*, hadis no. 1.

atau ingin menjauhkan diri dari ancaman-Nya.<sup>70</sup>

Namun begitu sering terjadi perbincangan samada niat sebelum memulakan sesuatu ibadah itu perlu dilafazkan atau ianya hanya amalan dalam hati. Adakah disyari'atkan melafazkan niat *أصلي فرض* (Sahaja aku sembahyang *farḍhu*)....” sebelum mengerjakan ibadah sembahyang atau memadai di dalam hati kita terlintas bahawa kita akan mengerjakan ibadah tersebut?

Niat menurut pengertian bahasa dimaksudkan : “*Qasad* (maksud yang digerak dan dikehendaki oleh hati), *azam* (atau '*azamul qalb*, iaitu apa yang telah dicita-citakan di hati) dan *iradah* (iaitu *al-iradatul jazimah*, iaitu kehendak keinginan hati dalam keadaan yang sedar). Adapun menurut *syara'*, niat adalah : “Berazam (bertekad) untuk melaksanakan ibadah semata-mata untuk mendekati diri kepada Allah. *Qasad*, *azam* dan *iradah* tempatnya di hati kerana ini kerja hati (*'amal al-Qalb*) bukan kerja lidah. Oleh itu niat tidak perlu dilafazkan atau diucapkan, inilah yang disepakati oleh *jumhur ulama'* dan etimologis (ahli ilmu asal-usul kata). Niat juga diertikan : “kehendak, maksud (tujuan) dan keazaman bukan paksaan.<sup>71</sup>

Menurut al-Hafidz Ibnu Hajar al-Asqalani *rahimahullah*: “Imam Nawawi mengatakan, bahawa niat bererti maksud, iaitu keinginan yang

---

<sup>70</sup> Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari* jld. 1, ms. 18.

<sup>71</sup> Rasul Dahri, *Membaca Niat Adalah Wajib, Sunnah atau Bid'ah*, (nota kuliah), ms. 3.

ada dalam hati."<sup>72</sup>

Seterusnya al-Hafidz menyatakan:

Al-Baidhawi berkata, "Niat adalah dorongan hati untuk melakukan sesuatu sesuai dengan tujuan, baik mendatangkan manfaat atau menolak mudarat, sedangkan syari'at adalah sesuatu yang membawa kepada perbuatan yang diredai Allah dan mengamalkan segala perintah-Nya."<sup>73</sup>

Dari keterangan di atas dapatlah kita fahami bahawa setiap amal seseorang mukmin yang terbit dari kehendak, azam, cita-cita dan gerak hatinya yang disedari dan tidak dipaksa, maka itulah yang dinamakan niat. Dan niat ini tempatnya di hati tanpa perlu dilafazkan. *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* juga memulakan sembahyangnya dengan *takbir* (الله أكبر) tanpa melafazkan apa-apa sebelumnya. Dalilnya adalah seperti hadis yang dikemukakan oleh Aishah *radhiallahu 'anha*:

***Sesungguhnya Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam membuka sembahyangnya dengan Takbir.***<sup>74</sup>

Jelas melalui riwayat di atas baginda *shallallahu 'alaihi wasallam*

---

<sup>72</sup> Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jld. 1, ms. 19.

<sup>73</sup> Ibnu Hajar al-Asqalani, *Fathul Baari*, jld. 1, ms. 19.

<sup>74</sup> Hadis riwayat Imam Muslim dalam *Shahih Muslim*, Kitab *al-Shalat*, hadis no. 498.

tidak melafazkan niat *أصلي فرض* ("Sahaja aku sembahyang *fardhu*...") sebagaimana yang biasa diamalkan di Malaysia.<sup>75</sup> Malah Imam al-Syafi'i *rahimahullah Ta'ala* juga berpendapat bahawa sembahyang itu dimulakan dengan takbir tanpa melafazkan niat. Berkata Imam al-Syafi'i *rahimahullah* dalam kitab beliau *al-Umm* : "Siapa yang pandai membaca *takbir*, niscaya tidaklah ia memulakan sembahyangnya melainkan dengan *takbir* itu sendiri dan *takbirnya* ialah *الله أكبر*."<sup>76</sup> Menurut Syaikh Mohammed Abdul Qoder al-Mandeeli: "Adapun orang yang berkata sunnat berlafaz (niat) sebelum takbir, maka perkataannya menyalahi perkataan Imam al-Syafi'i sendiri."<sup>77</sup>

Malah sebenarnya telah menjadi satu kesepakatan antara keempat-empat imam mazhab bahawa niat itu tempatnya di hati dan tidak perlu dilafazkan. Imam Ibn Abi al-'Izz *rahimahullah* telah berkata:

---

<sup>75</sup> Antara lafaz niat yang biasa terdapat dalam kitab-kitab *Fardhu 'Ain* sekiranya ingin memulakan sembahyang qasar dan jamak Zuhur dan Asar adalah *أصلي فرض الظهر قصرا مجموعا الى العصر اداء لله تعالى* (Sengaja aku sembahyang fardhu Zuhur dua rakaat qasar serta dijamakkan dengan Asar kerana Allah Ta'ala). Setelah selesai sembahyang Zuhur dua rakaat maka untuk meneruskan sembahyang Asar maka dilafazkan niat *أصلي فرض العصر ركعتين قصرا لله تعالى* (Sengaja aku sembahyang fardhu Asar dua rakaat qasar kerana Allah Ta'ala). Formula lafaz niat ini sebenarnya tidak ada contohnya dari Rasul *shallallahu 'alaihi wasallam*.

<sup>76</sup> Al-Imam al-Syafi'i, *al-Umm (Kitab Induk)*, jld. 1, ms. 241.

<sup>77</sup> Mohammad Abdul Qoder al-Mandeeli, *Persoalan Yang Berkehendak Kepada Melaksanakan Untuk Mengatasi dan Mengubah Adat-Adat Yang Berlaku Dalam Masyarakat Dengan Sangkaan Ibadat*, Mekah al-Mukarramah 1423H, ms. 16.

Tidak ada seorang *ulama'* pun dari imam empat, tidak al-Syafi'i mahupun yang lainnya yang mensyaratkan melafazkan niat. Menurut kesepakatan mereka, niat itu tempatnya di dalam hati. Hanya sahaja sebahagian *ulama'* kebelakangan mewajibkan seseorang melafazkan niatnya dalam sembahyang. Dan pendapat ini digolongkan sebagai mazhab al-Syafi'i. Al-Nawawi *rahimahullah* berkata: "Itu tidak benar."<sup>78</sup>

Sementara itu Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyyah *rahimahullah* dalam *al-Fatawa al-Kubra* (jld. 1, ms. 1) telah berkata:

Melafazkan niat secara *jahrah* (kuat) tidak pernah disyari'atkan walaupun oleh salah seorang *ulama'* Muslimin, tidak pernah dilakukan oleh *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam*, tidak pernah dilakukan oleh salah seorang dari para *Khulafad* baginda, tidak pernah dilakukan oleh para sahabat baginda dan juga tidak pernah dilakukan oleh para *Salaf al-ummah* dan para *ulama'nya*.<sup>79</sup>

Kaedah yang sama juga perlu diterapkan dalam sembahyang jamak dan qasar. Oleh itu memadailah sekiranya di hati kita terdetik untuk mengerjakan sembahyang tertentu secara jamak atau qasar atau

---

<sup>78</sup> Dinukil daripada *Koreksi Total Ritual Shalat*, ms. 100.

<sup>79</sup> Dinukil daripada kertas kerja Ustaz Rasul Dahri, *Membaca Niat, Adakah Wajib, Sunnah atau Bid'ah?*, ms. 13.



kedua-duanya sekali tanpa melafazkan niat tersebut. Telah tersebar dalam kitab-kitab *fardhu 'ain* di Malaysia di mana penulis kitab-kitab tersebut telah menurunkan lafaz-lafaz dengan formulasi tertentu yang tidak ada contohnya dari Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam*. Lafaz-lafaz tersebut tidak pernah wujud dalam mana-mana kitab-kitab hadis. Malah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* juga tidak pernah memerintah atau mengajar para sahabat *radhiallahu 'anhum* lafaz-lafaz niat yang tertentu. Berkata Syaikh al-Islam Ibnu Taymiyyah *rahimahullah* :

Sesungguhnya *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* telah menjamak dan mengqasar sembahyang bersama dengan para sahabatnya, namun baginda tidak memerintahkan mereka untuk niat jamak dan qasar... Selain itu *Rasulullah* juga pernah mengerjakan sembahyang Zuhur di padang Arafah tanpa memberitahu para sahabatnya terlebih dahulu bahawa setelah itu akan terus dilaksanakan sembahyang Asar (jamak *taqdim*). Baginda terus sahaja sembahyang Asar dengan para sahabatnya. Tidak ada seorangpun dari mereka yang berniat jamak... Begitu juga ketika *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* sembahyang berjemaah bersama para sahabat di tempat yang bernama Dzil Hulaifah sebanyak dua rakaat tanpa menyuruh mereka berniat qasar.<sup>80</sup>

---

<sup>80</sup> Dinukil daripada kitab *Total Koreksi Ritual Shalat*, ms. 404 dan juga *Fikih Sunnah*, jld. 2, ms.225.

Namun begitu melalui pengalaman penulis sendiri, ramai yang enggan melakukan sembahyang jamak dan qasar semata-mata kerana mereka tidak tahu cara berniat dalam bahasa arab mengikut formulasi lafaz yang di ajar dalam kelas-kelas atau kitab-kitab *fardhu 'ain*. Pada tanggapan mereka tanpa melafazkan niat dengan lafaz-lafaz tersebut, sembahyang mereka akan terbatal. Ini adalah satu perkara yang amat membingungkan kerana mereka sebenarnya meninggalkan sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* hanya kerana terlalu memberat-beratkan perkara yang sebenarnya tidak dituntut oleh syari'at. Sewajarnya mereka mengikut tatacara *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* memulakan sembahyang baginda tanpa melafazkan apa-apa niat sebelum takbir kerana niat baginda tempatnya di hati. Oleh itu tidak melafazkan niat seperti "*Usholli Fardhu* (Sahaja aku sembahyang *fardhu*)." ketika memulakan sembahyang adalah sunnah Nabi *shallallahu 'alaihi wasallam* yang wajib kita semua patuhi. Ini adalah dalam rangka mencontohi *Rasulullah shalallahu 'alaihi wasallam* dalam ibadah sembahyang sepertimana yang diwajibkan ke atas kita semua sebagaimana sabdanya:

***Sembahyanglah kamu sekalian sebagaimana kamu melihat aku bersembahyang.*<sup>81</sup>**

---

<sup>81</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Azan*, hadis no. 631.

# 8

## HUBUNGKAIT NIAT PERJALANAN DENGAN PEMBOLEHAN MENJAMAK DAN MENGQASARKAN SEMBAHYANG

Apa yang biasa difahami oleh masyarakat Islam di Malaysia *rukhsah* (keringanan) yang Allah 'Azza wa Jalla kurniakan kepada musafir seperti mengqasarkan dan menjamakkan sembahyang hanya diperbolehkan ketika berada dalam perjalanan yang berbentuk ketaatan kepada Allah 'Azza wa Jalla (*safar al-tha'ah*) dan bukan untuk tujuan yang mengandungi unsur-unsur dosa atau maksiat. Namun begitu sebenarnya *rukhsah* yang Allah 'Azza wa Jalla berikan kepada para musafir adalah berbentuk umum tanpa menetapkan apa-apa syarat tambahan. Firman-Nya:

***Dan apabila kamu musafir di muka bumi, maka kamu tidaklah berdosa "mengqasarkan" (memendekkan) sembahyang...***<sup>82</sup>

Asalkan sahaja hamba-Nya yang Muslim berada dalam perjalanan maka diperbolehkan untuknya mengqasarkan mahupun menjamakkan sembahyangnya. Menurut Syaikh Abdullah bin Abdurahman al-Jibrin:

---

<sup>82</sup> al-Nisaa' (4):101

Keringanan perjalanan dibolehkan bagi setiap perjalanan baik perjalanan untuk ketaatan atau untuk maksiat, sedangkan dosa adalah disebabkan perbuatan maksiat itu sendiri baik yang dilakukan oleh seorang musafir ataupun orang yang bermukim. Pelaku maksiat akan mendapatkan dosa dalam dua keadaan itu dan keringanan yang diberikan kepada orang yang dalam perjalanan adalah untuk menghindari kesulitan, begitu juga orang yang melakukan perjalanan kemudian lalu berbuat maksiat di dalam perjalanannya itu dan dia adalah seorang Muslim maka dia mendapatkan ketentuan-ketentuan syari'at Islam dan tidak boleh bagi kita melarangnya untuk mendapatkan keringanan dari Allah kerana perbuatan maksiatnya.<sup>83</sup>

Sesiapa yang melakukan perjalanan atas tujuan untuk membuat maksiat maka dia akan dianggap melakukan perbuatan yang haram dan berdosa di atas perbuatan tersebut namun ini tidak menghindarinya untuk mendapat *rukhsah* dalam menjamak dan mengqasarkannya. Contohnya seorang yang mencuri sehelai baju lantas dipakainya baju tersebut untuk mengerjakan sembahyang. Maka perbuatannya mencuri baju adalah haram tetapi sembahyangnya tetap sah.

Manakala Syaikh al-Syinqithi dalam *Adhwaa'ul Bayaan* (Jld 1, halaman 360) pula berpendapat:

---

<sup>83</sup> Syaikh Abdullah bin Abdurahman al-Jibrin, *Bekal Bagi Musafir*, (edisi terjemahan oleh Farizal Tarmizi, Pustaka Azzam, Jakarta 2000), ms. 69-70.

Para *ulama'* ber*ijma'* (bersepakat) bahawa mengqasar sembahyang empat rakaat menjadi dua rakaat ketika *safar* memang benar disyari'atkan... Ada juga orang yang menyatakan bahawa mengqasarkan sembahyang hanya boleh ketika *safar* dalam ketaatan syari'ay. Pendapat seperti itu merupakan pendapat yang tidak dipercayai oleh para *ulama'*.<sup>84</sup>

Dari ini dapat kita fahami bahawa menjamak dan mengqasarkan sembahyang diperbolehkan dalam segala bentuk perjalanan samada atas tujuan ketaatan atau maksiat. Semoga dengan *rukhsah* ini akan dapat memberi perangsang kepada mereka yang memiliki tujuan yang tidak baik dalam sesuatu perjalanan untuk bersembahyang dan mungkin melalui sembahyangnya itu akan membuka hati mereka untuk membatalkan hasrat menempuhi perjalanan yang tidak baik tersebut. Sebagaimana yang kita sedia maklum ibadah sembahyang itu dapat menghindari kita dari melakukan perkara yang keji dan mungkar. Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

***...sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar...***<sup>85</sup>

---

<sup>84</sup> Dinukil daripada *Koreksi Total Ritual Shalat*, ms. 417.

<sup>85</sup> al-‘Ankabut (29) : 45

## PENUTUP

Penulis yakin setelah kita benar-benar faham dengan beberapa hukum berkaitan dengan sembahyang jamak dan qasar ini, maka akan terserlah kepada kita betapa indahnya hukum-hakam Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam hal ini. *Rukhshah* (keringanan) yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berikan kepada kita melalui sembahyang jamak dan qasar mengukuhkan lagi bahawa Dia benar-benar bersifat *al-Rahmah* (kasih sayang) terhadap makhluk-Nya. Sewajarnya kita mempergunakan sepenuhnya anugerah serta sedekah yang *Allah 'Azza wa Jalla* kurniakan kepada kita. Apatah lagi perkara-perkara yang penulis ketengahkan di atas ada dalilnya dari *al-Qur'an* dan *al-Sunnah* sebagaimana yang diamalkan oleh para sahabat Nabi *radhiallahu 'anhum*. Bagi penulis batasan-batasan yang telah digariskan dalam sesetengah kitab-kitab *fardhu 'ain* di Malaysia berkaitan dengan sembahyang jamak dan qasar seolah-olah menafikan serta menghancurkan kemudahan syari'at Islam. Ini sebagaimana yang ditegaskan oleh Syaikh Abu Ubaidah Masyhur:

Ini kerana dengan meletakkan had batasan seperti hanya boleh mengqasarkan sembahyang selama tiga hari atau batasan-batasan lainnya, boleh mengakibatkan musnahnya kemudahan yang diberikan syari'at Islam.<sup>86</sup>

Antara manhaj *Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam* dalam

---

<sup>86</sup> Abu Ubaidah Masyhur bin Hassan, *Koreksi Total Ritual Shalat*, ms. 420-421.

membuat pilihan ketika memberi pandangan adalah sebagaimana yang dikhabarkan oleh *Umm al-Mukminun 'Aishah radhiallahu 'anha*:

***Tidaklah Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam jika diberi dua pilihan kecuali baginda memilih yang paling mudah di antaranya selagi tidak mengandungi dosa.***<sup>87</sup>

Semoga kemudahan yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* anugerahkan kepada kita semua akan menjadi pilihan kita kerana mustahil apa yang datangnya dari Allah dan Rasul-Nya serta menjadi amalan para sahabat Nabi *radhiallahu 'anhum* akan mengandungi unsur-unsur dosa. Sesungguhnya Allah *Subhanahu wa Ta'ala* hanya menginginkan kemudahan kepada hamba-hamba-Nya dan tidak mahu memberati kita semua. Ini sebagaimana Firman-Nya:

***...(Dengan ketetapan yang demikian itu) Allah menghendaki kamu beroleh kemudahan, dan Ia tidak menghendaki kamu menanggung kesukaran...***<sup>88</sup>

***Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya...***<sup>89</sup>

***Dan orang-orang yang beriman serta beramal soleh -***

---

<sup>87</sup> Hadis riwayat Imam al-Bukhari dalam *Shahih al-Bukhari, Kitab al-Hudud*, hadis no. 6786.

<sup>88</sup> al-Baqarah (2) : 185

<sup>89</sup> al-Baqarah (2) : 286

***(dengan tidak menjadi keberatan kepada mereka, kerana) Kami tidak memberati diri seseorang (dengan kewajipan) melainkan sekadar yang terdaya olehnya, - merekalah ahli Syurga, mereka kekal di dalamnya.<sup>90</sup>***

---

<sup>90</sup> al-A'raaf (7) : 42